	Jenis Dokumen : POLISI	Tajuk : KOD ETIKA	Nombor Dokumen : POL-UITU-001	
	Pemilik Dokumen : Unit Integriti & Governans		Semakan:	01
			Tarikh diterbitkan	20 Mei 2025

ENERGY COMMISSION OF SABAH (ECoS)

Level 10, Plaza Shell
29, Jalan Tunku Abdul Rahman
Mail Box No.53
88000 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Tajuk :

POLISI KOD ETIKA

No. Dokumen :

POL-UITU-001

Nombor Semakan	Perkara	Disediakan oleh	Diperakukan oleh	Diluluskan oleh
Tiada	Penyediaan Polisi	Unit Integriti & Governans	JPTITU	JITU

ISI KANDUNGAN

1) Objektif.....3

2) Latar belakang.....3

3) Kepentingan Polisi Kod Etika.....3

4) Skop dan pemakaian polisi.....4

5) Takrifan.....5 - 8

6) Pemilik polisi.....8

7) Nilai teras dan budaya.....8 - 19

8) Hukuman ke atas ketidakpatuhan.....19

9) Penepian.....19

10) Semakan dan Pemeriksaan.....19

11) Rujukan.....20

1. Objektif

Polisi Kod Etika diwujudkan untuk menetapkan pendirian ECoS, termasuk tetapi tidak terhad kepada kesalahan jenayah, kelakuan tidak wajar, rasuah dan tatatertib.

2. Latar belakang

Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mengamalkan tingkah laku dan amalan yang baik dalam menjalankan tugas harian, Polisi Kod Etika ini diperkenalkan sebagai panduan asas nilai-nilai ke arah mewujudkan sistem tadbir urus yang baik dan professional yang menggabungkan nilai integriti, akhlak, pematuhan kepada peraturan dasar dan tindakan seragam yang mengikut undang-undang terpakai dari semasa ke semasa.

Warga ECoS dikehendaki memahami dan sentiasa menerapkan nilai murni berpandukan peruntukan Kod Etika ECoS dalam menjalankan tugasan harian yang berkait rapat dengan amalan kerja organisasi dan menjaga imej serta reputasi ECoS yang berterusan.

3. Kepentingan Polisi Kod Etika

a) Polisi Kod Etika ECoS diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawalselia amalan kerja yang berkaitan dengan apa-apa urusan yang berhubung kait dengan organisasi dan kawalan tingkahlaku serta tatatertib harian warga ECoS.

b) Polisi ini juga menjadi rujukan dan garis panduan untuk memastikan tingkah laku warga ECoS dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab agar tidak bercanggah dengan nilai-nilai teras.

c) Memastikan amalan nilai tadbir urus yang telus dan berintegriti.

d) Memastikan penjagaan imej, reputasi dan integriti organisasi yang berterusan agar tidak tercemar dan terjejas.

e) Memastikan Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan dapat bertindak secara proaktif untuk mengenalpasti dan menggariskan pelan tindakan bagi mengatasi risiko jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang mungkin berlaku dalam sesuatu aktiviti atau proses urusan.

f) Meningkatkan usaha pengukuhan asas moral warga ECoS.

4. Skop dan pemakaian

Polisi ini terpakai kepada semua peringkat termasuk Anggota Suruhanjaya, warga ECoS serta semua pihak yang bertindak bagi pihak ECoS tidak kira di mana mereka berada (di dalam atau luar negara).

5. Takrifan

Akta SPRM 2009	Akta 694 - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk pindaan-pindaan yang diwartakan.
Anggota Suruhanjaya	Anggota Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 5 Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.
Bayaran Pemudahan	Bayaran yang diberikan sebagai pampasan atau pemudahcara yang dibuat secara peribadi kepada individu yang mepunyai kuasa atas sesuatu proses atau keputusan. Tujuan bayaran tersebut adalah untuk mempengaruhi, menjamin atau mempercepat tugas hakiki, fungsi rutin dan pentadbiran.
ECoS	Energy Commission of Sabah
Hadiah	Hadiah merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada seseorang dengan mengharapkan balasan atas sesuatu urusan atau perniagaan.
Ikrar Integriti	Dokumen yang akan ditanda tangan oleh individu yang menyatakan mereka akan sentiasa berpegang kepada integriti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh majikan.
JPTITU	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti & Tadbir Urus
JITU	Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus
Ketua Jabatan	Ketua Jabatan meliputi Pengarah-pengarah jabatan di ECoS yang menyelia warga ECoS di bawahnya.

Konflik Kepentingan	Apabila seseorang boleh mempengaruhi atau berpotensi mempengaruhi sebarang keputusan bagi ECoS atau berkaitan kerja hakiki.
Kelakuan Tidak Wajar (KTW)	Kelakuan Tidak Wajar yang bermaksud apa-apa salah laku atau kesalahan jenayah sama ada cubaan, disyaki atau telah berlaku, termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut :- a. Rasuah b. Kecurian atau menggelapkan wang organisasi c. Konflik kepentingan d. Tuntutan palsu e. Salah guna kuasa f. Kesalahan jenayah g. Kegagalan mematuhi polisi dan prosidur, Kod Etika dan peraturan yang telah dimaktubkan oleh organisasi h. Kegagalan dalam mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia i. Salah guna harta/asset organisasi j. Tidak melaksanakan keadilan k. Membahayakan kesihatan dan keselamatan individu lain l. Gangguan atau ugutan m. Lain lain salahlaku tatatertib yang telah dinyatakan oleh organisasi n. Menyembunyikan apa-apa perbuatan di atas.
Pihak ketiga	Individu yang mempunyai urusan secara rasmi dengan ECoS.
Pengurusan Tertinggi	Pihak Pengurusan Tertinggi ECoS yang terdiri dari pada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perancangan & Kawalselia Ekonomi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Korporat.

Rasuah	Rasuah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima ‘suapan’ di bawah Akta SPRM 2009. Dari segi amalannya, rasuah bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi. ‘Suapan’ ditakrifkan dalam Akta SPRM 2009 dengan maksud yang berikut: a) wang, derma, alang (orang ketiga), pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain; b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

	e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga; f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).
Saudara	'Saudara' berhubungan dengan seseorang seperti yang ditakrifkan dalam Akta SPRM 2009 dengan maksud yang berikut: a) isteri atau suami orang itu; b) adik atau abang atau kakak orang itu; c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; d) orang yang mempunyai nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu; e) orang yang mempunyai nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu; f) orang yang mempunyai nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);

	g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau h) menantu orang itu
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Unit Integriti & Governans (IGU)	Unit yang ditubuhkan di ECoS untuk menjalankan 4 fungsi utama dalam teras (Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesahan) pengukuhan Governans, Integriti & Antirasuah.
Warga ECoS	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak perkhidmatan (*contract of service*) secara langsung dengan ECoS atas dasar pekerjaan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja bawahannya.

6. Pemilik Polisi

Pemilik Polisi Kod Etika ini ialah Unit Integriti & Governans (IGU) ECoS.

7. Nilai teras dan budaya

Warga ECoS komited untuk memupuk nilai-nilai teras di dalam budaya organisasi dan menunjukkan satu budaya yang cemerlang dalam menjalankan tugas. Nilai teras dan budaya tersebut adalah termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut :

Integriti *(Integrity)*

Menjalankan amanah yang diberikan dengan mematuhi prinsip moral nilai murni serta etika yang tinggi dan sentiasa memastikan keupayaan untuk melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang melihat dengan menanamkan prinsip-prinsip seperti berikut :

i) Kejujuran : Berkata benar dan bertindak jujur dalam semua keadaaan

j) Tanggungjawab: Mengambil tanggungjawab atas tindakan sendiri, termasuk kesilapan

k) Ketelusan : Berterus terang dan tidak menyembunyikan fakta

l) Konsistensi : Kekal teguh dengan prinsip walaupun menghadapi cabaran

m) Keadilan : Bertindak adil dan saksama terhadap semua pihak tanpa prejudis

Kecemerlangan *(Excellence)*

Memastikan kecemerlangan dalam organisasi dengan pencapaian tahap tertinggi dalam melaksanakan tugas, memberikan perkhidmatan dan mencapai matlamat organisasi dengan berkesan dan berinovasi.

Profesionalisme *(Professionalism)*

Mengamalkan sikap, tingkah laku, dan standard kerja yang menunjukkan kecekapan, kejujuran, dan etika tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab. Ia mencerminkan komitmen seseorang untuk mencapai tahap prestasi terbaik, sejajar dengan harapan dan keperluan bidang kerja atau profesion tertentu.

Berfikiran Ke Hadapan *(Forward Thinking)*

Berkemampuan untuk merancang dan mengambil tindakan berdasarkan pandangan jangka panjang. Ia melibatkan kebolehan untuk melihat peluang, cabaran, dan risiko masa depan, serta bersikap proaktif dalam mencari penyelesaian atau inovasi untuk mencapai matlamat yang lebih besar.

7.1 Perilaku Pekerja

Warga ECoS hendaklah menggunakan piawaian berikut sebagai garis panduan agar ketidakpatuhan prosedur tatatertib organisasi dapat dielakkan.

7.1.1 Menghormati individu

Warga ECoS hendaklah menghormati semua orang dengan mengiktiraf peranan setiap individu, melayani setiap individu dengan mulia, mendengar idea-idea dan pendapat-pendapat orang lain serta mengiktiraf sumbangan setiap individu kepada organisasi.

7.1.2 Kesihatan badan dan kehadiran

Warga ECoS hendaklah memastikan mereka secara fizikal sihat supaya dapat bekerja dengan fokus dan sentiasa menepati serta memenuhi

masa berkerja yang telah ditetapkan. Kehadiran dan kecerdasan warga ECoS dapat memastikan produktiviti dalam menjalankan tugasan harian.

7.1.3 Keterampilan diri

Keterampilan diri mencerminkan imej organisasi. Oleh itu, Warga ECoS mestilah sentiasa bersih, kemas dan berpakaian sopan sepanjang masa.

7.1.4 Penipuan

Penipuan adalah perbuatan memperdaya dengan niat untuk memperolehi sesuatu, mengelak kewajipan atau menyebabkan kerugian ke atas pihak lain. Perbuatan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penipuan adalah satu jenayah dan melanggar Kenyataan Dasar Integriti serta Kod Etika ECoS.

7.1.5 Keselamatan dan kerahsiaan maklumat

Semua maklumat dan data ECoS adalah dianggap sulit dan rahsia seperti tetapi tidak terhad kepada kewangan, strategi dan perancangan ECoS, aktiviti pentadbiran, maklumat peribadi warga ECoS, dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan ECoS. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat sama ada secara dalaman atau dengan pihak ketiga adalah tidak boleh dibincang atau dikongsi dengan mana-mana pihak yang tidak berkaitan sama ada di dalam atau luar ECoS.

Sebarang pendedahan maklumat hanya dibolehkan kepada warga ECoS yang ditauliahkan atas dasar kerja yang membolehkan mereka menggunakan data tersebut atas tujuan dan kepentingan ECoS dan atas kehendak peraturan undang-undang.

Sebarang pendedahan melalui apa-apa saluran adalah dilarang sekeras-kerasnya dan dianggap melanggar peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan oleh ECoS.

Warga ECoS diwajibkan sentiasa menjaga maklumat sulit dan rahsia ECoS dari pengetahuan umum dan tidak membocorkan maklumat tersebut untuk kepentingan orang luar atau kepentingan peribadi atau secara suka-suka untuk dijadikan bahan penceritaan kepada pihak umum.

Setiap warga ECoS perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum mendedahkan atau menggunakan apa-apa data atas keperluan urusan ECoS.

7.1.6 Konflik Kepentingan

Percanggahan kepentingan boleh berlaku sekiranya kepentingan peribadi mengatasi peraturan dan amalan tadbir urus yang ada. Oleh kerana itu warga ECoS perlu merujuk kepada perkara berikut :-

a) Konflik kepentingan peribadi

i. Sentiasa berwaspada dari pengaruh luar dan mengelak dari konflik yang mengutamakan kepentingan diri atau terlibat dalam perlakuan yang bercanggah atau dilihat sebagai mencetuskan percanggahan kepentingan peribadi dengan kepentingan ECoS.

ii. Tidak menyalahguna kuasa, kedudukan dan pangkat atau dilihat mengatasi bidang kuasa jawatan yang disandang.

iii. Tidak menyalahgunakan kedudukan pangkat untuk mendapat layanan istimewa, keuntungan kewangan atau sebarang pemberian daripada mana-mana pihak yang berkepentingan semasa berurusan.

b) Rasuah Dan Bayaran Pemudahan Lain Yang Tidak Sah

Seperti yang digariskan di dalam Polisi Antirasuah dan Polisi Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat serta mana-mana polisi dan undang-undang lain yang berkuatkuasa, warga ECoS tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang hadiah termasuk wang, hak istimewa, kemudahan khas, cenderahati, barang-barang berharga atau bantuan, menerima sebarang jenis layanan khas atau istimewa bagi tujuan mempengaruhi, memperolehi, mengekalkan atau mengarahkan sebarang urusan kecuali dalam situasi berikut:-

i. Cenderahati seperti barangan atau produk-produk, perkhidmatan atau sebarang bantuan peribadi, tidak boleh diterima melainkan jenis dan jumlahnya yang dibenarkan di bawah Polisi Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat atau undang-undang lain yang berkuatkuasa dan menjadi kelaziman dalam keadaan-keadaan tertentu dan tidak mempunyai kesan mempengaruhi keputusan penerima.

ii. Penglibatan dalam keraian seperti jamuan makan tengah hari, makan malam, hiburan, acara sukan dan seumpamanya semasa bertugas dan masa bukan bertugas adalah dibenarkan sekiranya keraian tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan

hubungan, yang tidak menjadi satu kelaziman dan tidak keterlaluan serta tidak menyalahi Polisi Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

c) Penglibatan Warga ECoS Dalam Urusan Perniagaan

Warga ECoS yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan yang berhubung kait dengan ECoS, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan/atau terlibat dalam apa jua proses membuat keputusan mengenai urusan-urusan tersebut semasa bertugas, hendaklah mengisytiharkan konflik tersebut dan mematuhi Polisi Konflik Kepentingan dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dan seterusnya mengecualikan diri daripada sebarang penglibatan dalam urusan berkenaan.

d) Penglibatan Keluarga Warga ECoS Dalam Urusan Organisasi

Warga ECoS yang mana saudara mereka mempunyai kepentingan dalam perniagaan yang berhubung kait dengan ECoS, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, hendaklah mengisytiharkan konflik tersebut dan mematuhi Polisi Konflik Kepentingan dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

e) Pekerjaan-Pekerjaan Lain

i. Warga ECoS tidak dibenarkan bekerja dengan syarikat, organisasi dan agensi lain atau melakukan kerja-kerja lain secara bebas yang boleh menjejaskan imej ECoS, mengganggu tugasan hakiki serta mengakibatkan konflik kepentingan.

ii. Selain daripada perkara (i) di atas, warga ECoS perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif.

iii. Sebarang perniagaan yang dimiliki atas nama warga ECoS perlu diisytiharkan untuk rekod dan makluman majikan.

iv. Bagi Ketua Pegawai Eksekutif, perlu mendapatkan kelulusan berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.

7.1.7 Gangguan dan keganasan

ECoS akan mengambil tindakan terhadap sebarang perilaku yang berbentuk gangguan dan keganasan yang dilakukan oleh warga ECoS sama ada lelaki atau wanita, wanita sesama wanita dan lelaki sesama lelaki di mana situasi tersebut akan mengakibatkan :

i. Persekitaran tempat kerja dan / atau hubungan dengan rakan menjadi tidak stabil, menimbulkan perasaan syak wasangka atau kurang selesa;

ii. Keadaan sekeliling yang mengganggu prestasi kerja;

iii. Kredibiliti warga ECoS yang terlibat tergugat dan mempengaruhi peluang perkembangan kerjaya; dan

iv. Imej dan reputasi ECoS terjejas atau tercemar apabila kes yang berkaitan tersebar kepada umum sama ada di dalam atau di luar ECoS.

Antara jenis-jenis gangguan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara seperti berikut :

a) Kekerasan Dan Penggunaan Bahasa Kesat Serta Diskriminasi

Setiap warga ECoS semasa berhubung dengan mana-mana rakan sekerja atau orang awam pada bila-bila masa adalah ditegah dari;

i. Membuat ugutan fizikal atau lisan;

ii. Perbuatan fizikal yang boleh mengakibatkan kecederaan orang lain;

iii. Perbuatan menghasut warga ECoS lain sehingga memberi kesan kepada mangsa;

iv. Menggunakan bahasa dan isyarat lucah;

v. Gangguan yang berunsur ugutan secara psikologi kepada seseorang individu yang menyebabkan tekanan emosi dan mental apabila terdapat berita disebarkan sama ada benar ataupun tidak.

vi. Mengamalkan sikap diskriminasi dengan memberi layanan yang berbeza kepada seseorang kerana pangkat dan kedudukannya dalam jabatan atau masyarakat, perkauman, jantina, keturunan, perbezaan fahaman politik dan sebagainya; dan

vii. Menggunakan bahasa kesat dan kasar yang boleh menyinggung perasaan, menjatuhkan air muka dan maruah seseorang dihadapan orang lain.

b) Gangguan seksual

i. Gangguan secara lisan
Bentuk gangguan ini dapat dilihat dengan penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi bunyian, memberi kritikan, komen, pujian, atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual sehingga seseorang itu berasa tersinggung, terhina atau tergugat untuk berurusan dengan warga ECoS berkenaan.

ii. Gangguan Secara Isyarat
Bentuk perlakuan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan seseorang yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual.

iii. Gangguan Secara Visual
Perlakuan menghantar nota atau penggunaan apa jua peralatan media kepada seseorang yang menyebabkan warga ECoS berkenaan berasa tersinggung, terhina, terugut dan mengalami gangguan emosi serta trauma.

iv. Gangguan Secara Fizikal
Terdapat juga gangguan seksual berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual sehingga orang tersebut berasa kurang selesa sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina, terugut dan mengalami gangguan emosi serta trauma.

7.1.8 Kegiatan Jenayah

ECoS tidak akan bertoleransi jika terdapat warga ECoS yang melibatkan diri dalam sebarang perilaku atau aktiviti yang mungkin dikategorikan sebagai subversif atau melakukan sebarang kesalahan, jenayah atau sebaliknya yang boleh dihukum di bawah undang-undang negeri dan negara.

Jika didapati bersalah oleh mahkamah atau didapati terlibat dalam aktiviti subversif atau melakukan kesalahan jenayah, individu yang terlibat akan diadili mengikut mana-mana peraturan ECoS.

Sekiranya terdapat warga ECoS yang disabitkan dengan jenayah, maka:

a) Ketua Jabatan bertanggungjawab memohon salinan perintah pihak berkuasa (polis / mahkamah) jika terdapat perintah undang-undang ke atas seseorang warga ECoS untuk dijadikan rujukan tindakan tatatertib seterusnya.

b) Bergantung kepada tahap keseriusan perintah undang-undang tersebut dan kesan ke atas imej ECoS, tindakan tatatertib perlu dikenakan ke atas warga ECoS yang terlibat.

c) Bergantung kepada jenis dan keseriusan kesalahan, warga ECoS yang tertuduh boleh diambil tindakan / hukuman mengikut prosedur tatatertib yang berkuatkuasa.

d) Sekiranya warga ECoS tersebut tidak disabitkan dengan pertuduhan jenayah dan dibebaskan, ECoS masih boleh mengambil tindakan melalui prosedur tatatertib yang berkuatkuasa sekiranya perlu.

7.1.9 Penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang

ECoS sama sekali tidak akan bertoleransi jika terdapat warga ECoS yang melibatkan diri dalam sebarang perilaku atau aktiviti yang dikategorikan sebagai penyalahgunaan dadah dan penggunaan bahan terlarang yang boleh dihukum di bawah undang-undang negeri dan negara.

a) Setiap warga ECoS dilarang sama sekali daripada terlibat dalam apa-apa bentuk pembuatan, pemilikan, pengedaran, pemberian, penjualan, dadah berbahaya dan bahan terlarang di waktu pejabat

atau di luar waktu pejabat sama ada di premis ECoS ataupun luar premis.

b) Warga ECoS di tegah daripada penyalahgunaan dadah kecuali dalam kes keperluan individu yang memerlukan ubat-ubatan diluluskan atas preskripsi Pengamal Perubatan yang berdaftar.

c) Warga ECoS tidak boleh mengambil/meminum alkohol semasa waktu berkerja atau berkerja di bawah pengaruh alkohol.

d) Jika didapati bersalah oleh pihak berkuasa atau mahkamah atau didapati terlibat dalam aktiviti kesalahan jenayah, individu yang terlibat akan diadili mengikut mana-mana peraturan organisasi atau peruntukan pihak berkuasa.

e) Siasatan akan dibuat secara tertutup dan akan melibatkan mereka yang terlibat sahaja bagi memastikan tidak ada pihak yang teraniaya dan tidak ada penyebaran berita yang berkaitan.

f) Ketua Jabatan bertanggungjawab memohon salinan perintah pihak berkuasa (polis / mahkamah) jika terdapat perintah undang-undang keatas seseorang warga ECoS untuk dijadikan rujukan tindakan tatatertib seterusnya.

g) Bergantung kepada tahap keseriusan perintah undang-undang tersebut dan kesan ke atas imej organisasi, tindakan tatatertib perlu dikenakan ke atas warga ECoS yang terlibat.

e) Sekiranya warga ECoS tersebut tidak disabitkan dengan pertuduhan jenayah dan dibebaskan, ECoS masih boleh mengambil tindakan melalui prosedur tatatertib yang berkuatkuasa sekiranya perlu.

7.1.10 Aktiviti politik

Warga ECoS yang berhasrat untuk melibatkan diri dalam aktiviti secara aktif dalam politik seperti memegang jawatan-jawatan penting dalam mana-mana parti atau berkempen bagi tujuan politik mestilah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi dengan menggunakan masa tidak bertugas mereka ataupun cuti tahunan untuk tujuan tersebut. Sebelum menerima sebarang jawatan atau portfolio dalam mana-mana parti politik, kelulusan hendaklah terlebih dahulu diperolehi daripada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi.

a) Warga ECoS yang ingin bertanding sebagai calon pilihanraya dikehendaki meletakkan jawatan dalam organisasi.

b) Warga ECoS dilarang membuat sebarang penyebaran maklumat berunsurkan politik dalam apa-apa saluran komunikasi ECoS.

c) Warga ECoS adalah dilarang sama sekali menggunakan apa-apa logo politik semasa menjalankan tugasan rasmi organisasi.

d) Warga ECoS adalah dilarang sama sekali menggunakan apa-apa logo organisasi semasa mengikuti apa-apa program politik.

e) Selain daripada perkara (a) sehingga (d) di atas, warga ECoS adalah juga dilarang untuk membuat penyebaran apa-apa maklumat bermotifkan politik melalui apa-apa saluran komunikasi yang boleh mencemarkan imej dan reputasi organisasi.

7.1.11 Kaitan dengan kelab, persatuan dan badan bukan Kerajaan

ECoS menggalakkan penyertaan secara aktif warga ECoS dalam badan bukan kerajaan, organisasi kebajikan serta kelab dan persatuan profesional dalam/luar ECoS. Walaupun aktiviti di luar waktu bekerja adalah dibenarkan, namun warga ECoS harus memastikan reputasi, imej dan kepentingan ECoS terjaga dan tidak dikompromi.

7.1.12 Berhenti kerja

Warga ECoS yang berhenti kerja atas apa-apa sebab termasuk persaraan hendaklah memulangkan semua aset milik ECoS termasuklah sebarang maklumat proprietari dan harta intelektual. Sebarang pendedahan atau penggunaan maklumat proprietari tidak dibenarkan.

7.1.13 Melindungi aset dan kemudahan ECoS

Warga ECoS hendaklah menggunakan aset dan kemudahan organisasi dengan baik dan memastikan penyelenggaraan yang betul. Aset dan kemudahan ECoS adalah termasuk bahan-bahan, peralatan, perkakas, komputer, harta, maklumat proprietari dan dana yang menjadi hak milik ECoS.

Warga ECoS tidak boleh:

i. Membuat salinan bahan dokumen yang dilindungi untuk kegunaan peribadi.

ii. Menggunakan aset organisasi untuk kegunaan peribadi (termasuk komputer dan sumber pejabat, peralatan, perkakas dan kemudahan-kemudahan yang lain) yang mana menimbulkan kos tambahan kepada ECoS, mengganggu kerja atau tidak mematuhi polisi yang diwujudkan dari semasa ke semasa.

iii. Membenarkan aset organisasi digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang undang.

iv. Menggunakan aset atau maklumat organisasi untuk kepentingan peribadi.

7.1.14 Harta intelektual

Adalah menjadi polisi ECoS untuk tidak melanggar hak harta intelektual mana-mana pihak lain. Semasa menggunakan cap, logo atau bahan cetak ECoS yang lain, warga ECoS hendaklah mematuhi peruntukan polisi dan prosedur serta undang-undang terpakai.

7.1.15 Pengisytiharan harta

Pengisytiharaan harta perlu dilaksanakan oleh semua warga ECoS. Adalah menjadi satu kesalahan warga ECoS sekiranya gagal mengemukakan borang pengiystiharaan tersebut. Jabatan Sumber Manusia perlu memastikan perkara berikut :

i. Semua warga ECoS mengisi borang pengisytiharaan harta;

ii. Rekod pengisytiharaan harta tersebut perlu disimpan di tempat yang selamat;

iii. Rekod tersebut adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada pihak yang tidak berkaitan.

iv. Rekod tersebut perlu dikemaskini sekurang-kurangnya setahun sekali sekiranya terdapat sebarang pertambahan atau perubahan. Sekiranya tiada sebarang pertambahan atau

perubahan, warga ECoS perlu memaklumkan kepada unit sumber manusia sebagai untuk dijadikan rekod.

7.1.16 Hubungan sesama warga ECoS selain daripada hubungan kerja

Warga ECoS haruslah membuat pengisytiharan sekiranya mempunyai sesuatu hubungan sama ada hubungan suami isteri, keluarga, ikatan pertunangan atau mana-mana hubungan (termasuk selain hubungan pertalian) yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan dan sentiasa menjaga keharmonian sesama warga ECoS.

Warga ECoS yang mempunyai hubungan seperti di atas tidak boleh menyelia atau diselia diantara mereka tanpa kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi.

7.1.17 Meminjam wang

Warga ECoS tidak boleh meminjam wang daripada mana-mana warga ECoS lain, vendor, perunding, pembekal atau orang berkepentingan ECoS atas tujuan kepentingan diri sendiri sehingga menganggu hubungan sesama warga ECoS, prestasi dan tugas warga ECoS lain atau mana-mana pihak berkepentingan ECoS.

8. Hukuman atas ketidakpatuhan

ECoS menganggap etika kerja sebagai suatu perkara yang serius dan akan mengenakan hukuman jika berlaku pelanggaran terhadap polisi ini. Bagi warga ECoS, ketidakpatuhan akan menyebabkan tindakan tatatertib diambil berdasarkan proses dan prosedur tatatertib yang berkuatkuasa. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil jika terdapat warga ECoS melanggar sebarang undang-undang yang terpakai.

9. Penepian

Sebarang penyimpangan daripada atau penepian terhadap Polisi ini mestilah diperakukan oleh JPTITU dan diluluskan oleh JITU.

10. Semakan dan pemeriksaan

Unit Integriti & Governans (IGU) ECoS akan menyemak kesesuaian Polisi ini dari semasa ke semasa.

11. Rujukan

Polisi ini perlu dibaca bersama dengan mana-mana pekeliling, prosedur dan surat edaran berkaitan yang sedang berkuatkuasa.